

**CURRENT
AWARENESS
SERVICE**

JANUARY 2018
ISSUE NO. 1

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**SARANAN TPM: JADIKAN AGENDA
PEMBUDAYAAN INTEGRITI 'SATU GERAKAN
MASSA'**

Laporan penuh di muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

03 Membina negara bangsa berintegriti

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 Saranan TPM: Jadikan agenda pembudayaan integriti 'satu gerakan massa'

06 Prof Ulung Shamsul: Kursus wajib di IPT saluran penting budayakan integriti

07 "Malaysianality" and responsibility - Special talk by Datuk Seri Lim Chong Keat

NEWS / BERITA

08 Jadikan integriti benteng terakhir ummah, titah Raja Muda Perlis

10 **INTEGRITI** rai sumbangan Felo Utama Prof Emeritus Dato' Dr Rahman Embong

11 MBBJ-**INTEGRITI** berganding lahirkan peniaga berintegriti

12 Itizam GBM, MCW eratkan kerjasama sokong agenda integriti

FEATURES / RENCANA

13 *Volunteering with integrity intact*

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff

Editor / Pengarang

Dr G Manimaran

Assistant Editors / Penolong Pengarang

Aimi Farhana Mohd Amin
Zareena Izmin Ismail

Photographer / Jurufoto

Izal Arif Zahrudin
Rosalizawati Arshad

Contributors / Penyumbang

Maszura Majid

Layout / Reka Letak

Azni Husairi

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

MEMBINA NEGARA BANGSA BERINTEGRITI

Januari 2018 bulan bersejarah bagi Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Warga INTEGRITI bertuah kerana menerima kunjungan DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Tuanku Syed Sirajuddin Jamulallail dan YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Pada 30 Januari, Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menutup Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Perlis dan menyampaikan Titah Integriti Diraja. YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid pula merasmikan Diskusi Intelektual selain melancarkan buku Nilai Integriti Pelbagai Agama Pengikat Persefahaman, dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs) serta merasmikan Pusat Data INTEGRITI dan Makmal Profil Integriti Malaysia pada 16 Januari.

Kedua-dua peristiwa ini memberi petanda tentang keutamaan agenda integriti di pihak kepimpinan negara. Sebagaimana ditegaskan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff, menjadi harapan INTEGRITI agar kedua-dua peristiwa ini akan membuahkan lebih banyak benih semaian yang akan menghasilkan pohon-pohon integriti yang rendang di seluruh negara dan berdiri tegak dengan akar membumi, agar usaha untuk membudayakan integriti dalam masyarakat bukan hanya tersemat di sanubari, malah menjadi amalan setiap rakyat.

Tanggal 23 April 2004 adalah tarikh bersejarah bagi INTEGRITI dan bagi kita semua rakyat Malaysia. Ia permulaan agenda integriti negara dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN)

dan penubuhan INTEGRITI. Kami sedar usaha ini tidak boleh dicapai tanpa sokongan semua pihak. Maka INTEGRITI amat menghargai atas sokongan yang terus diterima daripada ahli-ahli lembaga pengarah, ahli-ahli INTEGRITI dan semua pihak yang lain. Kesudian DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra dan YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid membawa pengertian yang mendalam.

Dalam ucapannya bertemakan "Membina Negara Bangsa Berintegriti", YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid berkata, "saya percaya untuk sesuatu perkara itu dibudayakan, kita perlu melibatkan gerakan massa dan dilakukan secara meluas lagi melata." Malah katanya, untuk mengubah sikap atau untuk memperbetulkan sesuatu, kita perlu mempelbagaikan manhaj atau kaedah. Tuanku Syed Faizuddin Putra bertitah integriti memainkan peranan yang amat signifikan dalam kesejahteraan komuniti, terutama bagi Malaysia yang mempunyai komuniti pelbagai etnik dan agama.

Kedua-dua titah diraja dan amanat itu memberi panduan kepada kita semua dalam menjayakan agenda integriti agar negara bangsa kita terus bertuah dan terus sejahtera.

Salam hormat dan selamat membaca.

INTEGRITI DI HATI

DR G MANIMARAN



YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi melawat ruang pameran garis masa INTEGRITI 2004-2018.

SARANAN TPM: JADIKAN AGENDA PEMBUDAYAAN INTEGRITI 'SATU GERAKAN MASSA'

Oleh Dr G Manimaran



YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melancarkan buku Nilai Integriti Pelbagai Agama Pengikat Persefahaman dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs). Hadir sama (dari kiri) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Dato' Sri Alias Ahmad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman, yang juga Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI.

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu agenda pembudayaan dan penghayatan integriti dijadikan "satu gerakan massa" bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang beretika dan berintegriti selari dengan sasaran Pelan Integriti Nasional (PIN).

Sehubungan itu menurut beliau, usaha pembudayaan dan penghayatan integriti tidak boleh diserahkan kepada Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) semata-mata.

"Saya mahu semua pihak bersatu tenaga bagi menjadikan agenda pembudayaan dan penghayatan integriti sebagai satu gerakan massa atau a *mass integrity movement*."

"Saya percaya untuk sesuatu perkara itu dibudayakan, kita perlu melibatkan gerakan massa dan dilakukan secara meluas lagi melata. Untuk mengubah sikap atau untuk memperbetulkan sesuatu, kita perlu mempelbagaikan manhaj atau kaedah," kata beliau dalam ucapnama program Diskusi Intelektual bertemakan Membina Negara Bangsa Berintegriti Dari Perspektif Institusi Pelbagai Agama dan Pendidikan di Menara INTEGRITI pada 16 Januari.

Beliau berkata, memandangkan usaha itu merupakan satu agenda jangka panjang, "kita tidak boleh hanya berharap apabila orang telah berikrar, maka semuanya akan menjadi baik." "Ikrrar sahaja tidak akan mengubah sikap," kata beliau pada program itu, yang merupakan

satu detik bersejarah bagi INTEGRITI.

"Agenda pembudayaan budaya berintegriti yang ingin kita bentuk tiga dekad akan datang perlu bermula hari ini. Ia perlu membabitkan segenap lapisan masyarakat Malaysia," tambah beliau.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk menawarkan untuk melaksanakan Pelan Integriti Daerah di Bagan Datuk.

"Saya difahamkan INTEGRITI melalui agenda pembudayaan integriti di akar umbi tidak hanya terhad kepada program-program berbentuk advokasi di peringkat daerah sahaja, tetapi kini secara lebih konkrit dan berkesan dengan membantu mewujudkan Pelan Integriti Daerah."



Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff (kanan) memberi penerangan mengenai operasi Makmal Profil Integriti Malaysia (MIP) kepada YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.



YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dengan diiringi Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff merasmikan Pusat Data INTEGRITI.



YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama pasukan yang terlibat dalam penyediaan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

“Saya yakin pegawai-pegawai daerah seluruh negara akan dapat merancang pembangunan daerah mereka dengan lebih telus dan berintegriti dengan adanya Pelan Integriti Daerah masing-masing.”

Beliau turut melancarkan buku terbitan INTEGRITI berjudul Nilai Integriti Dalam Pelbagai Agama - Pengikat Persefahaman dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs). Selain itu, beliau juga merasmikan Pusat Data INTEGRITI dan Makmal Profil Integriti Malaysia (MIP) serta melawat garis masa perjalanan INTEGRITI yang bertemakan Membina Negara Bangsa Berintegriti.



YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersalaman dengan Editor buku Nilai Integriti Pelbagai Agama Pengikat Persefahaman, V. Loganathan dan penulis-penulis buku tersebut.

Nota: Akses pautan <http://integriti.my/koleksi-syarahan/> untuk teks ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

PROF ULUNG SHAMSUL: KURSUS WAJIB DI IPT SALURAN PENTING BUDAYAKAN INTEGRITI

Oleh Dr G Manimaran

Kursus-kursus wajib di universiti seperti Hubungan Etnik wajar dijadikan saluran untuk menyampaikan mesej integriti dalam kalangan setiap pelajar, kata Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin.

“Pada saya inilah satu-satu kursus yang semua mahasiswa terpaksa ambil, dari perubatan, dari pergigian, dari pengajian islam, dari undang-undang. Kerana inilah merupakan saluran untuk menyampaikan mesej integriti,” kata Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Katanya, beliau sehingga sekarang masih lagi menunggu bagaimana kursus itu “boleh diintegritikan, maksudnya dihormati, difahami oleh semua pihak.”

“Bukannya diperlecehkan. Ini yang saya dapat maklumat... pada saya inilah satu-satu saluran integriti atau menyebarkan nilai integriti, dan menghuraikan, membincangkan dalam kursus-kursus wajib ini.

“Tak banyak kursus wajib. TITAS dan Hubungan Etnik... kursus ini banyak

diperlecehkan, tidak diberi ruang untuk dikembangkan. Itulah satu-satu saluran, dari atas sampai ke bawah, dapat disampaikan di universiti,” tambah beliau.

Beliau berkata demikian dalam pembuka kata pada program Diskusi Intelktual bertemakan “Membina Negara Bangsa Berintegriti Dari Perspektif Institusi Pelbagai Agama dan Pendidikan”, yang diadakan bagi meningkatkan peranan institusi-institusi agama dan pendidikan dalam memperkukuh persefahaman dan perpaduan antara kaum ke arah pembinaan sebuah negara bangsa berintegriti tinggi. YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan ucapan.

Diskusi Intelktual yang berlangsung di Menara INTEGRITI turut menampilkan Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail dan Dr. Wendy Yee Mei Tien masing-masing Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam dan Pensyarah Kanan Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) Universiti Malaya. Diskusi dikendalikan oleh Nazri Kahar, Penerbit Eksekutif ASTRO Awani.

Dalam pada itu, Wendy Yee berkata,

nilai-niai integriti harus menjadi sebahagian daripada budaya, dibudayakan dan menjadi cara hidup setiap individu.

“Jadi kena dipraktikkan. Nilai-nilai ini perlu diterapkan menerusi *value oriented integrated efforts* atau satu usaha bersepadu berorientasikan nilai antara institusi yang berkaitan.”

Malah kata beliau, tidak ramai ibu bapa yang dapat menjadi contoh kepada anak mereka.

Dalam pada itu menurut Dr Sharifah Hayaati, aspek budaya berintegriti adalah perkara wajar disebut dan dibangunkan secara berterusan.

Sehubungan itu beliau menggariskan lima perkara iaitu membina negara berintegriti, ummah yang unggul dengan nilai-nilai cemerlang, akhlak yang tinggi, boleh dipercayai dan amanah yang berterusan.

Katanya, dalam membangunkan masyarakat perlu ada tiga kluster iaitu pengetahuan, realiti dan beretika.

“(Tetapi) kajian juga menunjukkan dua aspek itu sering diingat tetapi yang ketiga itu dilupakan. Aspek agama, (pada saya) dalam Islam satu perkara asas dan fundamental, dan ia harus berterusan. Satu konsep ummah - bukan masyarakat yang berpisah tetapi satu masyarakat yang boleh hidup aman - piagam pelanggan Madinah... mengiktiraf semua bangsa, dan dalam sistem undang-undang.”


Nota: Untuk kandungan penuh Diskusi Intelktual sila layari <https://www.youtube.com/watch?v=oXvma16jyig>



Nazri Kahar mengendalikan Diskusi Intelktual yang menampilkan (dari kanan) Dr Wendy Yee Mei Tien, Prof Madya Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail dan Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin.

“MALAYSIANALITY” AND RESPONSIBILITY - SPECIAL TALK BY DATUK SERI LIM CHONG KEAT

By Aimi Farhana Mohd Amin



Datuk Seri Lim Chong Keat sharing his thoughts. On his left is Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

harmony among Malaysians and the value of responsibility.

Trained in architectural acoustics at the Massachusetts Institute of Technology (MIT), Datuk Seri Lim insisted that in designing things, we need to wholly understand the concept of our creation and that is an example of integrity: “a notion of understanding things as a whole.” He also shared that we need to educate the children on the importance of unity and racial integration from the very start, even before they go to school.

The session which lasted for almost two hours, ended with a brief Q&A session. Datuk Seri Lim ended the session and gave the audience something to ponder about on their way back with a quote by Buckminster Fuller on “Human Integrity”.

We know about Malaysians, and we also know about Nationality. But, what if we mixed them up? “Malaysianality” as coined by Datuk Seri (Dr.) Lim Chong Keat would still carry the meaning of the state of belonging to a particular nation. “Malaysianality” and Responsibility is the topic chosen for a Special Talk Programme held at INTEGRITI on 24th January, delivered by him, the renowned architect and urban designer.

“Learn yourself and only then you will understand your roots” was his first statement at the start of his talk.

After a brief introduction by Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, President and Chief Executive Officer of INTEGRITI, Datuk Seri (Dr.) Lim took the centre stage and immediately asked the audience, how much do we really know about our country and our races before we comment on racial divide?

The Special Talk was held with the aim to share his vast experience and knowledge on the fundamentals in creating

Human INTEGRITY is the uncompromising
Courage of self determining whether or
not to take initiatives, support or
cooperate with others in accord with
“All the truth and nothing but the truth”
as it is conceived by the divine mind
always available in each individual.

Whether humanity is to continue and
comprehensively prosper on Spacship Earth
depends entirely on the integrity
of the human individuals and not on
the political and economic systems.

The cosmic question has been asked -

ARE HUMANS A WORTHWHILE
TO UNIVERSE INVENTION?

Buckminster Fuller



JADIKAN INTEGRITI BENTENG TERAKHIR UMMAH, TITAH RAJA MUDA PERLIS

Oleh Dr G Manimaran



Datuk Dr Anis Yusal Yusoff (kiri) dan Dr Mohd Mizan Mohammad Aslam bertukar-tukar dokumen Memorandum Persefahaman dengan disaksikan oleh DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

DTYM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyarankan agar budaya integriti dijadikan benteng terakhir ummah bagi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi, sekali gus “mensejahterakan kita semua.”

Baginda bertitah punca permasalahan kepada semua isu atau masalah yang wujud pada hari ini adalah kerana sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak amanah dan tidak berintegriti.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Perasmian Penutup Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Perlis di Pusat Koreksional Negeri Perlis pada 30 Januari. Ini julung kali Roadshow

INTEGRITI yang dimulakan pada Ogos 2017 menyaksikan Titah Integriti Diraja.

Program Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Perlis dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Pejabat Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), Ahmad Zakaria dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KUIPs, Dr. Mohd Mizan Mohammad Aslam.

Sempena program Roadshow INTEGRITI, INTEGRITI dan KUIPs menandatangani Memorandum Perse-

fahaman (MoU) untuk membentuk kerjasama dalam bidang-bidang yang berkaitan usaha pemupukan agenda integriti.

Dalam Titah Integriti Diraja, baginda seterusnya menegaskan, “persoalan penting dalam tema ini yang harus kita tanya adalah - apakah signifikannya membudayakan integriti dengan kesejahteraan komuniti?”

“Adakah amalan integriti menjadi syarat utama untuk sesebuah komuniti mencapai tahap kesejahteraan?” titah baginda.

Untuk menjawab persoalan itu, Raja Muda Perlis juga bertitah, elok sekiranya “kita lihat masalah-masalah yang ada di sekeliling kita dan apa punca yang menyebabkan masalah-masalah ini daripada berlaku.”

“Saya ingin mengambil contoh daripada perkara-perkara yang dekat dengan rakyat. Sebagai contoh yang pertama, apabila kita melihat sampah-sarap yang tidak dikutip oleh kontraktor yang sepatutnya mengutip sampah,” titah baginda.

INTEGRITI juga ada membangunkan instrumen yang dikenali Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK) – yang memfokus kepada aspek integriti perkhidmatan.

Baginda juga mahu setiap anggota masyarakat sama-sama kembali kepada ajaran agama masing-masing bagi mencapai melahirkan masyarakat berintegriti dan mensejahterakan rakyat.



Foto berkumpul para peserta Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Perlis.

“Bagi orang Islam sudah tentu kita perlu menghayati al-Quran dan Sunnah Rasul.

“Tidak kira apa jua agama yang kita anuti, setiap daripada kita perlu memainkan peranan yang menyeluruh untuk menyemai nilai-nilai murni yang ada dalam ajaran agama masing-masing demi melahirkan satu komuniti yang berintegriti, selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara,” titah baginda.

Menurut baginda, hanya dengan kembali berpandu kepada ajaran agama yang sebenar, negara dapat melahirkan insan-insan yang bertakwa dan mengamalkan kebaikan di muka bumi ini.

“Semoga pembudayaan integriti dalam kalangan rakyat akan

mensejahterakan kita semua,” titah baginda.

Malah dalam titahnya, baginda berkata, punca kepada semua masalah pada hari ini adalah kerana sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak amanah dan tidak berintegriti.

“Akibatnya, negara boleh hancur, punah dan musnah.”

Oleh kerana itu titah Raja Muda, baginda amat gembira melihat usaha INTEGRITI yang mula turun ke peringkat akar umbi untuk berkongsi pengalaman dan instrumen yang telah mereka bina, agar rakyat di negeri seperti Perlis juga akan mendapat manfaat daripada usaha untuk membina negara bangsa berintegriti.



DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail disambut oleh maskot rasmi INTEGRITI.

Nota: Akses pautan <http://integriti.my/koleksi-syarahan/> untuk teks penuh Titah Integriti Diraja DYTM Raja Muda Perlis

INTEGRITI RAI SUMBANGAN FELO UTAMA PROF EMERITUS DATO' DR RAHMAN EMBONG

Oleh Dr G Manimaran



Datuk Dr Anis Yusal Yusoff menyampaikan cenderahati kepada Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman Embong (kanan).

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah meraikan Felo Utama Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman Embong atas sumbangan ternilai beliau selaku Felo Utama INTEGRITI pada 24 Januari 2018. Beliau individu pertama dilantik sebagai Felo Utama INTEGRITI iaitu sejak tahun 2015.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, Profesor Dato' Dr Abdul Rahman, yang juga Profesor Emeritus Sosiologi Pembangunan dan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan INTEGRITI sejak sebelum institut ini ditubuhkan.

"Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman telah banyak membantu kami sejak awal lagi, bukan sahaja ketika hanya

sebagai Felo Utama INTEGRITI sejak tahun 2015, tetapi sejak INTEGRITI belum lahir," kata beliau ketika berucap pada Majlis Mengenang Budi yang berlangsung di Menara INTEGRITI.

Beliau menyifatkan Dr Abdul Rahman sebagai seorang tokoh yang peramah dan luas pengalaman dalam 'dunia integriti', dan seorang yang bersikap terbuka dalam berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai isu-isu integriti.

Dr Abdul Rahman merupakan antara ahli akademik yang rapat dengan kemajuan dan perjalanan yang dilalui oleh INTEGRITI sejak lebih satu dekad. Dr Abdul Rahman telah menjayakan banyak penyelidikan asas,gunaan dan strategik yang dibiayai oleh organisasi dalam negara dan antarabangsa. Antara sumbangan beliau yang penting ialah peranannya dalam memimpin pasukan

pengkaji menggubal Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menyediakan kertas konsep INTEGRITI yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 23 April 2004.

Beliau merupakan salah seorang anggota pasukan kajian Persepsi Awam Mengenai Rasuah Di Malaysia, yang membawa kepada penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan INTEGRITI pada tahun 2004.

Dalam pada itu, Dr Abdul Rahman pula berkata, "saya tidak mahu majlis yang diadakan ini dianggap sebagai satu majlis perpisahan."

"Saya akan terus memberi sumbangan dan nasihat bagi pembangunan INTEGRITI. Saya bukan sahaja terlibat (membantu INTEGRITI) sejak tiga tahun yang lalu, tetapi sejak 2003," kata beliau yang sinonim dengan perjalanan INTEGRITI sejak 14 tahun yang lalu.

Beliau merupakan antara personaliti yang sentiasa memberi sokongan padu kepada INTEGRITI dan menghadiri hampir kesemua program utama INTEGRITI.

Pada Julai 2017, beliau muncul sebagai tokoh pertama menyampaikan syarahan dalam Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi, di bawah tajuk "Melangkaui 2020 Ke Arah 2050: Menangani Cabaran Baharu Integriti Negara".

Dalam syarahannya itu, beliau telah mengupas cabaran-cabaran yang perlu dipertimbangkan dan diambil kira bagi memperkasakan usaha pemupukan dan pembudayaan integriti di negara ini.



Peniaga-peniaga di kawasan pentadbiran MBBJ menunjukkan pelekat "Saya Peniaga Berintegriti".

MBJB-INTEGRITI BERGANDING LAHIRKAN PENIAGA BERINTEGRITI

Oleh Maszura Majid

Lebih 300 peniaga yang hadir pulang dengan satu mesej yang jelas - "Saya Peniaga Berintegriti" – mahu menjadi golongan peniaga yang berintegriti. Peniaga yang berintegriti akan komited untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Pelekat-pelekat yang diedarkan mewarnai Program Integriti Bersama Peniaga "Saya Peniaga Berintegriti" yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru Amran A. Rahman berkongsi mesej, "saya yakin saudara-saudari akan mengamalkan etika dalam menjalankan perniagaan."

"Saya tahu majoriti peniaga memang beretika, tidak ada masalah. Tetapi yang kecil itu yang bermasalah. Untuk kita berjaya dalam perniagaan, nilai-nilai beretika adalah penting," kata Amran.

"MBJB mengambil berat tentang peniaga untuk maju bersama," kata dalam Sesi Bual Bicara bertajuk "Pengalaman Etika Perniagaan: Saya Peniaga Berintegriti". Ia turut menampilkan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

Sesi dikendalikan oleh DJ Dave dari Radio Johor FM. Turut hadir Pengarah Kluster Ekonomi INTEGRITI Mohd Ismail Abdul Jalil.

Program ini merupakan penglibatan pertama kali diadakan oleh INTEGRITI dengan kerjasama MBBJ dalam menyasarkan para peniaga menerapkan nilai-nilai etika perniagaan serta tadbir urus yang lebih telus bagi meyakinkan para pelanggan untuk lebih mempercayai perkhidmatan atau jual beli.

Persatuan-persatuan yang mengambil bahagian dalam program ini terdiri daripada Persatuan Penjaja Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru, Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Pasar Lambak Bergerak Johor Selatan, Persatuan Peniaga Bazar Johor Bahru dan Persatuan Peniaga Kg Melayu Johor Bahru.

Usaha ini diadakan selari dengan objektif Pelan Integriti Nasional (PIN) yang memfokus ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang beretika dan berintegriti.

Sementara itu, Dr Anis Yusal berharap kerjasama yang diperlihatkan dalam program ini akan diteruskan dan dieratkan lagi.

"Saya berharap akan diberi makna yang mendalam dalam menjadikan integriti satu budaya," kata beliau.

ILTIZAM GBM, MCW ERATKAN KERJASAMA SOKONG AGENDA INTEGRITI

Oleh Dr G Manimaran

Peribahasa Melayu berbunyi “tak kenal, maka tak cinta.” Mesej di sebalik peribahasa ini ada kebenaran. Ia bukan sahaja sesuai dengan seseorang individu, sebaliknya kekal relevan dalam membina jambatan hubungan dan kerjasama dengan kepimpinan sesebuah organisasi.

Pada bulan Januari 2018 Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) berpeluang bertemu dengan dua pertubuhan masyarakat sivil iaitu Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) dan Malaysian Corruption Watch (MCW). Kedua-dua pertemuan yang berlangsung sekitar dua jam berakhir dengan hasil yang menggembirakan. Barisan kepimpinan kedua-dua pertubuhan itu bangga dengan apa yang dilakukan oleh INTEGRITI untuk mencapai visi dan misi penubuhan, dan juga sasaran Pelan Integriti Nasional (PIN).

Presiden GBM Zaid Kamaruddin yang mengetuai delegasi lima pemimpin pertubuhan itu berkata, berdasarkan siri program dan aktiviti yang dilaksanakan



Pertemuan dengan Presiden MCW Jais Abdul Kariim (dua dari kiri).

oleh INTEGRITI pihaknya yakin boleh bekerjasama dengan lebih rapat bagi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi.

“GBM dan INTEGRITI mempunyai matlamat yang murni untuk melihat masyarakat Malaysia yang harmoni dan sejahtera. Hari ini kami mendapat gambaran besar berkenaan dengan fungsi dan aktiviti institut ini. Saya juga berharap INTEGRITI boleh mengambil

bahagian dalam aktiviti kami, dan kami boleh adakan program di sini (Menara INTEGRITI),” kata beliau di akhir taklimat yang disampaikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

Dalam pada itu, Presiden MCW Jais Abdul Karim memberitahu taklimat yang diberikan oleh Dr Anis Yusal telah membolehkan pihaknya mendapat gambaran lebih menyeluruh tentang perjalanan INTEGRITI.

“Hari ini saya mendapat gambaran menyeluruh berkenaan dengan apa yang dilakukan oleh INTEGRITI. Nampaknya INTEGRITI melaksanakan banyak aktiviti. Saya yakin kita boleh berganding dan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang disasarkan,” kata beliau di akhir pertemuan dengan Dr Anis Yusal pada 26 Januari.

Dr Anis Yusal berkata, INTEGRITI sentiasa sedia bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil dan badan-badan bukan kerajaan bagi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi.



Datuk Dr Anis Yusal Yusoff bersama barisan kepimpinan GBM yang diketuai oleh Presidennya Zaid Kamaruddin (dua dari kanan).



The panelists Datuk Zuraidah Atan (third from left), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff (center) and Datuk Ahmad Talib (third from right).

VOLUNTEERING WITH INTEGRITY INTACT

By Erda Khursyah Basir

Participation in volunteering and charity-based activities can help nurture a culture of integrity among the people. However, for this to happen, they must volunteer their services on their own volition and not under compulsion, said the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) President and Chief Executive Officer, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

“A volunteer’s (level of) integrity can be assessed by finding out if they are in it because of their genuine desire to help the needy or if they are being forced to do so,” he said, recently at a breakfast talk organised by Integrity at its office, here.

Titled, “*Sukarelawan: Suka, Rela atau Sebaliknya: Perspektif Integriti*” (Volunteering: Willingly or Otherwise – From the Perspective of Integrity), the talk attracted about 100 participants from various government agencies and non-governmental organisations (NGOs). Dr Anis Yusal was among the panellists who spoke at the event, the other panel

members being Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) Chairman Datuk Zuraidah Atan and Yayasan Salam Malaysia Chairman Datuk Ahmad A. Talib.

Reiterating his stand that integrity covered all kinds of activities and was not limited to bribery and corruption matters, Dr Anis Yusal said some people want to become volunteers just to “reap the rewards”, namely the five Ts – T-shirt, “topi” (cap), “tambang” (bus or taxi fare), television and “tular” (viral).

“They don’t really have the intention to help others. They are just there to get the free T-shirt and cap and some money. If there are media or TV reporters around, they hope to become famous by appearing on TV. They also hope their stories will go viral on social media,” he said.

Referring to the various volunteer bodies and foundations that have been established to offer assistance to needy

communities, he said transparency and sincerity were among the noble qualities required of such organisations.

“They should complete whatever tasks they have set out to do and not leave things half completed.


“In short, they must know what their goals are when carrying out any mission,” he said, adding that they should also ask themselves if their services are bringing about the desired results.

“Are they taking into consideration the needs of the people and the effectiveness of their services or are they just setting up this or that foundation but are not administering them properly.”

When people want to volunteer their services, they should first make sure that their intentions are sincere and only then “can they do it with integrity”, he added.

Continue on page 15

TRUTH AT WORK THE SCIENCE OF DELIVERING TOUGH MESSAGES




Publisher: McGraw Hill Education

Published: 2017

Author: Mark Murphy

The level of willingness to broach sensitive topics and to achieve understanding, not anger, is a valued measure of success for an organisation's culture and its leaders. A culture of accountability can't exist when people won't engage in conversation about important topics. And far too many people suffer needlessly because employees and leaders can't or won't speak the truth. Thus, in his book, Mark Murphy provides us how to conduct a Truth Talk using eight-step process: Understand the Truth-Killers; Focus on the Facts; Take Their Perspective; Set Your Goals; Start a Conversation, Not Confrontation, Create a Word Picture, Listen With Structure, and Share the Facts. In short, Truth at Work shows that by moving from confrontations to conversations, from feelings to facts, and from diatribe to dialogue, we can get everyone to hear and accept hard truths.



Publisher: Wiley Blackwell

Published: 2018

Author: Deni Elliott and Edward H. Spence

ETHICS FOR A DIGITAL ERA

The rapid and ongoing evolution of digital technologies has transformed the way the world communicates and digests information. Fueled by a 24-hour news cycle and post-truth politics, media consumption and the technologies that drive it have become more influential in shaping public opinion.

Ethics for a Digital Era provides a penetrating analysis of the ethical issues that have emerged as the digital revolution progresses, including journalistic practices that impact on the truth reliability and trustworthiness of communicating information. The volume explores new methods and models for ethical inquiry in a digital world, and maps out guidelines for web-based new producers and users to conceptualize ethical issues and analyze ethically questionable acts.

Timely and thought-provoking this book is an interesting and invaluable resource for those are interested in the ethical impact of their media consumption. The authors ended their views by stating that "good journalism has always had: inform individuals so that they can effectively govern themselves."



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin (depan, kiri) mengetuai sesi perbincangan mengenai Pembangunan Modul Integriti Secara Online di INTAN pada 25 Januari 2018.



Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff mengadakan perbincangan berkenaan pengubalan Program Sijil Profesional Pegawai Integriti bersama pegawai Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Januari 2018.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff mempengerusikan sesi perbincangan cadangan membangunkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) bagi Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam di Menara INTEGRITI pada 11 Januari 2018.



Pengarah Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI, Hamlye Sham Harun mengadakan perbincangan dengan Ketua Unit Integriti dan Pengurusan Risiko FELDA, Norzuki Mustafar (kiri) bagi menganjur aktiviti dan program pembudayaan integriti.

Continue from page 13

His views were echoed by Zuraidah Atan, who pointed out that integrity was an essential component of volunteerism as volunteers were regarded by society as individuals who imparted noble values whilst extending a helping hand to the needy.

Their true intentions are reflected in the way they work, which speaks volumes about their integrity. "They have to prove their sincerity through their work and not just do their work half-heartedly," she said.

Ahmad Talib, meanwhile, said integrity did not merely involve money matters but also trivial things like T-shirts which some individuals may misuse for their own gain.

"Integrity is an invisible quality. We can expect volunteers from well-established organisations to have integrity but we can't say the same of volunteers who work independently," he said.

However, he added, integrity was something of a personal nature and it

lay in the heart and mind of the individual volunteer.

"It's up to the individual to decide how he/she wants to carry out the duties he/she is entrusted with.

"Integrity means carrying out one's work sincerely and honestly. For example, if a person finds himself under pressure to volunteer his services in a disaster area just because his friends are also doing so, then he may not do a good job there."

Nota: Sedutan daripada rencana yang disiarkan oleh Bernama



www.integrity.my

